

KERJA SAMBILAN BAGI PELAJAR TAHFIZ DALAM TEMPOH PANDEMIK; USAS SUATU KAJIAN KELANGSUNGAN HIDUP

Muhd Thoriq Asshiddiq Che Ahmad

Kulliyah Usuluddin & Sains Al-Quran,
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
(UniSHAMS) 09300, Kuala Ketil, Kedah

Mohd Sholeh Sheh Yusuff

Kulliyah Usuluddin & Sains Al-Quran,
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
(UniSHAMS) 09300, Kuala Ketil, Kedah

Muhd Sallehuddin Al-Ayubi Che Ahmad

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
Bukit Chandan, 33000 Bandar DiRaja, Kuala Kangsar, Perak

Corresponding Author's Email: muhdthoriq@unishams.edu.my

Article history:

Received : 3 March 2022

Accepted : 17 October 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Pendidikan Tahfiz merupakan pendidikan yang memerlukan tumpuan pelajar secara menyeluruh. Ia dipandang tinggi dan kini menjadi pilihan kebanyakan lapisan masyarakat di setiap peringkat pengajian. Gejala wabak pandemik Covid-19 telah menjejaskan banyak sektor dan kelangsungan hidup manusia di serata dunia termasuklah pelajar tahfiz dan keluarga yang menanggung pengajiannya. Justeru, ada pelajar tahfiz yang ingin meringankan beban keluarga dengan mengambil langkah bekerja sambilan. Objektif yang digunakan ialah kepentingan fokus dalam pengajian tahfiz dan implikasi yang timbul daripada kegiatan kerja sambilan. Kajian ini dijalankan kepada pensyarah tasmik, pelajar jurusan Tahfiz wal Qiraat & waris pelajar, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Perak. Kaedah yang digunakan untuk menyiapkan projek ini ialah melalui soal selidik sebanyak dua kali. Survei pertama disertai 56 orang: 35 pelajar tahfiz dan 21 waris pelajar tahfiz dan survei kedua pula disertai 35 orang: 23 waris pelajar, 10 pelajar dan 2 pensyarah melalui pemerhatian, soal selidik dan rujukan.

Kata kunci: Tahfiz, Kerja Sambilan, USAS

PART-TIME WORK FOR TAHFIZ STUDENTS DURING THE PANDEMIC: A STUDY OF SURVIVAL AT USAS

ABSTRACT

Tahfiz education is an education that requires total student focus. It is highly regarded and is now the choice of most people in every level of education. The symptoms of the Covid-19 pandemic have affected many sectors and human survival around the world, including tahfiz students and their families who bear their studies. Thus, there are tahfiz students who want to lighten the family's burden by taking steps to work part-time. The objective used is the importance of focus in tahfiz studies and the implications arising from part-time work activities. This study was conducted on tasmic lecturers, students majoring in Tahfiz wal Qiraat & students' heirs, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Perak. The method used to complete this project is through a questionnaire twice. The first survey was attended by 56 people: 35 tahfiz students and 21 heirs of tahfiz students and the second survey was attended by 35 people: 23 heirs of students, 10 students and 2 lecturers through observation, questionnaires and referrals.

Keywords: *Tahfiz, Part-time Work, USAS*

PENGENALAN USAS

Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia (USAS) pada mulanya dikenali sebagai Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) ditubuhkan pada 16 Oktober 1999 oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan didaftarkan dengan Jabatan Agama Islam Negeri Perak di bawah Enakmen Kawalan Sekolah - Sekolah Agama Islam 1996. KISDAR menjadi Badan Berkanun Kerajaan Negeri Perak menerusi Enakmen Kolej Islam Darul Ridzuan (Enakmen Bilangan 3 Tahun 2000).

Penubuhannya direalisasikan pada tahun 1999 dengan kampus sementara yang terletak di Jalan Dato' Seri Shaari, Off Jalan Raja Di Hilir, Ipoh dan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 16 Oktober 1999.

Pada 8 Februari 2006, Kerajaan Negeri Perak meluluskan kerja-kerja pembinaan kampus tetap KISDAR di atas sebidang tanah seluas 50 ekar yang diwakafkan Pemangku Raja Perak ketika itu, Raja Dr. Nazrin Shah di Chandan Putri, Kuala Kangsar. Kampus tetap dengan kos pembinaan berjumlah RM 66 juta siap pada tahun 2008.

Pada 19 Disember 2013 Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah sempurna merasmikan naiktaraf KISDAR kepada Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) yang telah didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) pada 4 Mac 2013.

Pada tanggal 10 Jun 2016 Perdana Menteri ke-6, Y.A.B Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak membuat pengumuman dengan rasminya. Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) dinaikkan taraf menjadi universiti penuh berkuat kuasa serta-merta dan dikenali sebagai Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia (USAS) yang menerima geran tahunan daripada Kerajaan Pusat. Pengumuman ini merupakan kesinambungan sejarah Kuala Kangsar sebagai bandar pendidikan tertua negara yang turut menempatkan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford dan Masdrasah Idrisiah.

DIPLOMA TAHFIZ USAS

Program tahfiz yang ada dijalankan di USAS ialah Diploma Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat yang ditubuhkan pada tahun 2012 bermula dengan seorang pelajar. Dan sekarang program ini mempunyai 120 pelajar tahfiz yang berdaftar dan 11 orang pensyarah/guru tasmik. Program ini dijalankan selama 3 tahun (6 semester) secara kuliah, tutorial & amali dan pelajar perlu mengambil minimum 96 jam kredit kursus bagi kelayakkan graduat termasuk kursus-kursus wajib KPT.

Kursus Hifz al-Quran perlu diambil bagi setiap semester dan pelajar dikehendaki menyelesaikan hafalan 5 juzuk bagi setiap kursus ini bermula daripada Hifz al-Quran I sehinggalah Hifz al-Quran VI. Manakala pelajar yang ketinggalan dalam hafalan dalam tempoh waktu kuliah, mereka diberi peluang untuk menghabiskan hafalan dalam tempoh cuti semester itu sebelum memasuki semester yang akan datang.

Kursus-kursus lain yang menjadi major kepada program ialah Diploma Tahfiz Al-Quran Wa Al-Qiraat, USAS ialah Al-Madkhal fi 'Ilm Al-Qiraat, Tajwid Al-Quran, Al-Qiraat al-Ilmiyyah, Al-Qiraat al-Tatbiqiyah, Tarikh al-Qurra' wa al-Mashaf, Dabt al-Quran, Al-Fawasil, Al-Rasm al-Qurani.

Apabila Pandemik Corona Virus (Covid-19) mula melanda negara kita pada Januari 2020 yang melibatkan para pelancong dari China yang tiba di Johor melalui Singapura dan rakyat Malaysia pertama berusia 41 tahun yang berasal dari Selangor disahkan positif jangkitan coronavirus pada 04 Febuari 2020. PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 diantaranya ialah penutupan kesemua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara.

Rentetan itu, USAS mula melaksanakan pengajian secara maya termasuk Pengajian Tahfiz Al-Quran yang selalu dijalankan secara dua hala: *tasmik* (bentang) dan *tashih* (pembetulan) bacaan juga terpaksa dilaksanakan secara atas talian dimana semua pelajar dan pensyarah hanya berada di rumah masing-masing tanpa pertemuan bersemuka. Ini membuka ruang pelajar tahfiz yang belajar dari rumah untuk bekerja sambilan dengan alasan pandemik mahupun suka-suka.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian, iaitu:

- a. Meninjau kecenderungan warga USAS terhadap isu Kerja Sambilan Bagi Pelajar Tahfiz Dalam Tempoh Pandemik.
- b. Mengkaji alasan yang diberikan bagi membolehkan pelajar tahfiz bekerja sambilan.
- c. Mendapatkan persetujuan majoriti terhadap isu yang dibangkitkan.

KRONOLOGI KAJIAN

Pada Selasa 06 Julai 2021, Unit Al-Quran, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, USAS mengadakan Bengkel Motivasi Huffaz Pelajar-Pelajar DTAQ USAS Bersama Ibubapa & Waris secara maya di platform *Aplikasi Zoom* yang disampaikan oleh Muhd Thoriq Asshiddiq Bin Che Ahmad, Pensyarah UniSHAMS. Soalan tinjauan disediakan bagi mendapatkan kecenderungan pelajar tahfiz, pensyarah & ibubapa/waris serta pandangan mereka terhadap martabat pelajar tahfiz & isu pelajar tahfiz yang bekerja sambilan.

Pada permulaan, survei dijalankan secara atas talian *Google Form* sebelum Bengkel Motivasi diadakan bagi mendapatkan sedikit sebanyak info daripada warga USAS untuk persediaan Bengkel Motivasi, dan mendapat 56 responden. Kemudian datang idea untuk menulis artikel ini, maka dijemput beberapa individu membantu penulisan artikel, dan dibuat survei kali kedua dengan soalan yang berbeza yang lebih menjurus kepada tajuk penyelidikan, dan mendapat 35 responden.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Temubual

Untuk melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini, kaedah temubual (interview) turut dilaksanakan. Beberapa sesi temubual telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan maklumat dan latar belakang USAS dan Diploma Tahfiz di USAS. Pengkaji menemubual pihak yang berautoriti dalam menjelaskan dan membincangkan tentang kajian ini. Metode ini digunakan secara terus untuk mendapatkan data dan maklumat dari informan yang terpilih. Dalam kajian ini, pengkaji menemubual Ustaz Muhammad Khairul Firdhaus bin Abdullah dan Ustaz Shuhaimi bin Lana yang kedua-dua mereka merupakan Penasihat Unit al-Quran, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, USAS bagi mendapatkan sumber di samping individu-individu lain yang mempunyai maklumat tentangnya.

Kaedah Survei

Untuk mencari jawapan dari berbagai pertanyaan untuk memuaskan rasa ingin tahu yang besar terhadap isu pelajar tahfiz bekerja sambilan. Metodologi survei


mempelajari tentang prosedur dalam penarikan sampel dari suatu populasi iaitu warga USAS yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan waris pelajar. Pengkaji melakukan survei di atas talian menggunakan faltform Google Form.

ANALISIS DATA KAJI SELIDIK

Pada bahagian ini, kajian membuat analisis lengkap terhadap dapatan yang telah diperolehi melalui borang kaji selidik yang dibuat melalui *Google Form* dalam bentuk jadual bagi mengenalpasti kecenderungan yang paling dominan terhadap isu Kerja Sambilan Bagi Pelajar Tahfiz Dalam Tempoh Pandemik sebagaimana berikut;

i. Survei Pertama

Survei pertama mendapat 56 responden; 35 pelajar tahfiz (56.2%) dan 21 waris pelajar (37.5%). Berdasarkan pengalaman dalam bidang tahfiz pula 38 orang (67.9%) mempunyai pengalaman 4 tahun keatas, 9 orang (16.1%) mempunyai pengalaman 3 tahun, 4 orang (7.1%) mempunyai pengalaman 2 tahun, hanya 1 orang (1.8%) berpengalaman 1 tahun dan 4 orang (7.1%) pengalaman kurang 1 tahun. Pada survei kali pertama kami dapati majoriti responden (55.4%) bersetuju mengatakan tidak kepada pelajar tahfiz bekerja sambil belajar manakala yang baki (44.6%) pula bersetuju mengatakan ya kepada pelajar tahfiz bekerja sambil belajar. Lihat rajah 1.



Rajah 1

Bagi responden yang tidak bersetuju mereka memberi alasan seperti berikut: “tidak fokus”, “Bimbang pengaruh wang ringgit akan menyukarkan pembelajaran”, “menggangu hafalan kerana penat bekerja dan sebagainya”, “perlu komitmen yang tinggi”, “hafal dan mungkin tidak ada masa untuk bekerja”, “pekerjaan akan mengganggu pengurusan masa dan stress kerja boleh membuat pelajar hilang tumpuan untuk menghafaz”, “Berikan untuk quran itu 3 atau 4 tahun dan hafaz sungguh sungguh serta jaga hingga khatam 30 juzuk

selepas itu baru fikir bab kerja”, “tak semua mampu”, “Apabila bekerja fokus tahfiz hilang dan mudah terpengaruh dgn rakan sekerja” ini.

Manakala responden yang bersetuju pula mereka memberi alasan seperti berikut: “Supaya dapat belajar cara untuk bahagikan masa”, “Bila bekerja mereka tahu cabaran dalam alam kehidupan”, “Membina peribadi dan disiplin sepanjang hayat”, “Bukan semua pelajar dari keluarga yg berkemampuan”, “Sebab nak cari duit”, “Untuk bantu support duit belanja & bayar yuran kolej disebabkan pelajar Tahfiz di usas tiada keistimewaan biasiswa khusus untuk pelajar tahfiz”, “Dapat belajar tentang sesuatu yang baru”, “Kerja yang membabitkan Al Quran boleh membantu meningkatkan kualiti hafazan”, “Boleh seperti menjadi imam pelapis dan dapat situasi dan persekitaran dalam menjaga dan menghafaz Quran”, “dapat mencari pengalaman sebelum memasuki fasa pekerjaan yang sebenar”.

ii. Survei Kedua:

Survei Kedua: mendapat 35 responden; 23 waris pelajar (65.7%), 10 pelajar (28.6%) dan 2 pensyarah (5.7%). Berdasarkan pengalaman dalam bidang tahfiz pula 23 orang (65.7%) mempunyai pengalaman 4 tahun keatas, 4 orang (11.4%) mempunyai pengalaman 3 tahun, 3 orang (8.6%) mempunyai pengalaman 2 tahun, hanya 2 orang (5.7%) berpengalaman 1 tahun dan 3 orang (8.6%) pengalaman kurang 1 tahun.

Pada survei kali kedua, kami dapati majoriti responden (57.1%) bersetuju mengatakan tidak kepada pelajar tahfiz bekerja sambil belajar, ini lebih tinggi berbanding respon kali pertama, manakala yang baki (42.9%) pula bersetuju mengatakan ya kepada pelajar tahfiz bekerja sambil belajar. Lihat rajah 2.




Rajah 2

Berikut adalah soalan susulan daripada survei kedua dan peratusan yang memberi jawapan YA dan TIDAK, manakala peratusan yang berbaki memberi respon “tiada kaitan” tidak dimuatkan:

Jadual 1: Soalan Susulan Daripada Survei Kedua


SOALAN	YA	TIDAK
Apakah berkerja secara sambilan mengganggu pembelajaran anda?	48.6%	25.7%
Adakah anda berasa seronok dapat berkerja sambil belajar?	28.6%	25.7%
Kerja sambilan membuatkan saya lebih bersemangat untuk menghafaz al-Quran.	31.4%	20%

Apabila ditanya mengenai “Apakah faktor pelajar tahfiz perlu berkerja secara sambilan?”, 51.4% daripada 35 responden dan merupakan jumlah yang terbesar menjawab kewangan punca dan faktor utama pelajar tahfiz bekerja sambilan terutama dalam keadaan pandemik Covid-19 yang mencabar ekonomi banyak pihak. 11.4% sekadar mengisi masa lapang dan 5.7% atas desakan keluarga. Manakala 31.4% memberi respon “tiada kaitan”. Lihat rajah 3.



Rajah 3

Dan tanya juga soal “Bagaimana anda membahagikan masa menghafaz al-Quran dan berkerja?”, peratusan terbesar memberi respon “tiada kaitan”, manakala kedua terbesar 14.3% mengatakan “saya mula kerja setelah mendapat target hafazan harian”, yang mengatakan “saya kerja hujung minggu sahaja” dan “saya kerja di waktu lapang” bersamaan peratusannya sebanyak 8.6%, dan 2.9% atau seorang memberi respon “saya tidak pernah membahagikan masa”. Lihat rajah 4.



Rajah 4

KESIMPULAN

Kajian ini memberi gambaran maklumbalas kecenderungan warga USAS yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan waris pelajar tahfiz terhadap isu “Kerja Sambilan Bagi Pelajar Tahfiz Dalam Tempoh Pandemik” memberi impak langsung jika isu ini dikesampingkan. Kita sedia maklum bahawa wabak Covid-19 yang mulanya diumumkan sebagai Pandemik akan bertukar kepada Endemik suatu yang sukar berakhir, maka pengajian secara atas talian akan menjadi satu kebiasaan dan norma baharu dalam metod pengajian diseluruh dunia sekaligus membuka ruang bagi pelajar-pelajar tahfiz bekerja sambilan kerana kurang pantauan daripada pihak intitusi pengajian dan guru.

Kita tidak dapat menafikan kekangan kewangan punca utama pelajar ingin bekerja dalam tempoh pengajian terutama dalam situasi Pandemik Covid-19 tetapi sedikit sebanyak ia mengganggu prestasi pencapaian pembelajaran suatu bidang terutamanya pengajian tahfiz yang memerlukan tumpuan yang lebih tajam, pada hari pengajian pengajian dengan *tasmik* hafalan baru dan pada hari cutinya dengan *murajaah* hafalan lama.

Kami mencadangkan Majlis Agama Negeri & pihak pengurusan masjid membuka peluang kerja Imam Sambilan berbayar kepada pelajar-pelajar tahfiz menjana pendapatan untuk membiaya yuran pengajian dan membantu ekonomi keluarga disamping memberi pengalaman dalam bidang yang berkaitan. Kepada pihak pengurusan zakat dan agensi berkaitan batuan kewangan perlu memfokuskan saluran batuan kepada pelajar-pelajar tahfiz yang terjejas, kerana mereka merupakan aset negara dan tonggak modal insan yang terbilang.

RUJUKAN

- Azmil Hashim, 2010, *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan MTQN*, <https://www.researchgate.net/publication/311870159> [January 2010].
- Dr. Nordin Bin Ahmad, 2015, *Memperkasakan Darul Quran Ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz Di Malaysia*, Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV (1 - 3 Jun 2015) Darul Quran JAKIM.
- Kamarul Azmi Jasmi, 2012, *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*, <https://www.researchgate.net/publication/293097563> [January 2012].
- Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh, KUIS, *Pandemik Covid 19: Kesan Negatif Dan Positif*, 7th International Conference on Management and Muamalah 2020 (ICoMM 2020).
- Solahuddin Bin Ismail PhD, 2016, *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz (23 - 24 November 2016) Darul Quran JAKIM.
- Zainora binti Daud, Muhammad Arif bin Musa, 2021, *Cabaran dan Kekangan dalam Pengajian Tahfiz Separuh Masa*, Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 5 June 2021.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652501/kes-pertama-2019-ncov-babitkan-rakyat-malaysia>
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-pertama-koronavirus-di-malaysia-tiga-warga-china-kini-dirawat-di-hospital-sungai-buloh-228989>
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/adakah-kita-sudah-memasuki-fasa-endemik-ini-penjelasan-kj-324703>